

DATE: 20/4/2008

Projek RMK-9 dikaji semula

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 19 April - Semua projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dikaji semula sama ada ia perlu dilaksanakan atau ditangguh berikutan kenaikan harga barang binaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kajian separuh penggal RMK-9 yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan mengkaji keutamaan semua projek-projek yang telah disenarai untuk dilaksanakan.

"Kajian separuh penggal RMK-9 itu akan menentukan sama ada projek-projek besar wajar dilaksanakan atau perlu ditangguh," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyertai Program Pemukiman Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

Abdullah menegaskan, pelaksanaan projek-projek besar itu terpaksa dinilai semula berikutan kenaikan harga barang-barang binaan yang mungkin meningkatkan kos sesuatu projek.

"Kerajaan nak tahu berapa banyak kos sesuatu projek itu bertambah. Persoalannya

UM-20/4/2008
sejauh mana ia bertambah dan jumlah peruntukan tentulah menjadi lebih besar daripada peruntukan awal yang ditetapkan.

"Keutamaan kerajaan pada masa ini adalah projek-projek yang dilaksanakan lebih bersifat dan berpaksikan kepada tujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah," katanya.

Katanya, membantu golongan berpendapatan rendah merupakan langkah-langkah yang sudah mula diambil oleh kerajaan serta perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Mengenai cadangan Badan Pencegah Ra-

suah (BPR) untuk menjadi sebuah agensi bebas mengikut model Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah Hong Kong, Abdullah memberitahu beliau telah mendapat cadangan tersebut.

"Saya akan menilai dan akan membuat keputusan mengenai perkara tersebut," katanya.

BPR dua hari lepas telah menyerahkan cadangan itu kepada Abdullah untuk dipertimbangkan yang antaranya menubuhkan Suruhanjaya BPR, pembentukan majlis penasihat BPR serta diberi kebebasan untuk menjelaskan kepada orang ramai mengapa sesuatu kes itu tidak dapat diteruskan.